

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN

Dr. Haji Izani Bin Haji Husin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah Kementerian telah melakukan penyiasatan terhadap rungutan orang ramai berkenaan peningkatan mendadak caj bil elektrik yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Berhad beberapa bulan kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian mengambil maklum akan rungutan orang ramai mengenai peningkatan mendadak bil elektrik kebelakangan ini dan hasil siasatan mendapati bahawa peningkatan bil elektrik adalah merupakan salah satu kesan fenomena El Nino yang menyebabkan berlakunya cuaca panas terik dan kering berpanjangan. Keadaan panas pada siang hari yang meninggalkan kesan bahang sehingga ke awal pagi telah mempengaruhi tabiat penggunaan peralatan elektrik di kalangan pengguna khususnya alat penyaman udara dan mendorong kepada peningkatan penggunaan elektrik dan seterusnya menyebabkan bil elektrik pengguna meningkat secara mendadak.

2. Kenyataan ini disokong dengan fakta yang menunjukkan bahawa permintaan tertinggi atau *peak demand*, dengan izin, pada tahun ini dicatatkan pada 20 April 2016 dengan bacaan 17,788MW semasa suhu di seluruh negara mencecah 39 darjah Celsius berbanding dengan permintaan elektrik tertinggi pada 1 Januari 2016 iaitu 12,906MW. Ini

menunjukkan bahawa keadaan cuaca panas yang melanda negara telah menyebabkan peningkatan permintaan elektrik sebanyak 37.82 peratus pada bulan April berbanding dengan bulan Januari 2016.
